

BH 21 APR 2002

Lawatan buka peluang perniagaan

KUALA LUMPUR: Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke tiga negara iaitu Maghribi, Libya dan Bahrain dianggap sebagai landasan yang baik bagi peniaga yang mengikuti rombongan itu.

Ketua Delegasi Perniagaan Malaysia, Tan Sri Azman Hashim berkata, lawatan seperti itu pasti mencetus kontrak perniagaan.

Rombongan itu tiba di Libya pada Khamis lalu selepas menghabiskan tiga hari di Maghribi. Me-

reka akan terbang ke Bahrain hari ini (semalam).

Beliau berkata, rombongan perniagaan itu dialu-alukan dengan mesra oleh rakan sejawat mereka di Maghribi dan Libya, yang menghormati pencapaian Malaysia dalam pembangunan ekonomi setakat ini.

Perwakilan perniagaan Malaysia menawarkan kepakaran mereka seperti infrastruktur, pembangunan harta, teknologi maklumat, pendidikan dan perbankan.

“Perbankan Islam adalah satu bidang kita boleh galakkan,” kata Azman yang mengikuti rombongan selama seminggu itu.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif Kumpulan Arab-Malaysian Bank, berkata lawatan itu lebih bersifat sementara iaitu meneroka adalah permulaan baik memandangkan peluang untuk mewujudkan perhubungan adalah lebih baik daripada peniaga Malaysia melakukannya secara bersendirian. Bernama